



## PENDANAAN AWAM ISLAMIK SEBAGAI SUMBER KEWANGAN ALTERNATIF UNTUK KELESTARIAN TAPAK WARISAN SEJARAH DI MALAYSIA

### [ISLAMIC CROWDFUNDING AS AN ALTERNATIVE FUND FOR THE SUSTAINABILITY OF HISTORICAL HERITAGE SITES IN MALAYSIA]

NIZAM ABD GHANI & MUHAMMAD SHAHRUL IFWAT ISHAK<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

Corresponding Author: shahrulifwat@unisza.edu.my

---

Received: 1 September 2021

Accepted: 20 October 2021

Published: 24 November 2021

---

**Abstrak:** Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti potensi pendanaan awam Islamik sebagai dana alternatif dalam membantu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan sejarah di Malaysia. Konotasi warisan umumnya difahami sebagai ‘peninggalan’ atau sesuatu yang boleh diwarisi secara turun menurun. Ini termasuklah tapak peninggalan sejarah. Di Malaysia sesetengah tapak warisan dijaga dengan baik seperti bangunan lama, makam, kuil, monumen, fosil dan artifik memandangkan semua ini berpotensi memberi pulangan keuntungan kepada kerajaan menerusi sektor pelancongan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan dalam melestarikan tapak warisan ini, termasuklah peruntukan dana. Kesannya, sesetengah tapak warisan yang sepatutnya dipelihara kelihatan terabai dan terbiar. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan pendanaan awam Islamik sebagai dana alternatif untuk kelestarian tapak warisan sejarah. Pendanaan awam telah terbukti berjaya dalam hal ini seperti yang diamalkan di kebanyakan negara Eropah. Dengan mengaplikasikan metode kualitatif, dapatkan kajian mendapati pendanaan awam Islamik berpotensi sebagai dana alternatif dalam membantu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan tanah air. Dana tersebut termasuklah infaq, sedekah dan wakaf. Walaupun kajian ini bersifat eksplorasi, ia diharap mampu menjadi pencetus terhadap usaha memelihara dan memulihara tapak warisan menerusi konsep dana awam yang turut sama bertujuan menyemai sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap warisan sejarah negara.

**Kata kunci:** Pendanaan awam Islamik, pendanaan awam, pemeliharaan warisan

**Abstract:** This paper aims to identify the potential of Islamic crowdfunding as an alternative fund in supporting the conservation and preservation of historical heritage sites in Malaysia. The connotation of heritage is generally understood as a relic or something that can be inherited to descendence. This includes historical sites. In Malaysia, some heritage sites are well maintained such as old buildings, tombs, temples, monuments, fossils and artifacts as all of them have the potential to provide a profit return to the government through the tourism sector. However, there are some constraints in heritage conservation including the allocation of funds. As a result, some heritage sites that should have been preserved seem to be neglected and abandoned. Therefore, this study highlights Islamic crowdfunding as an alternative fund for the sustainability of heritage sites. Crowdfunding has proven its success as practiced in most European countries. By applying qualitative methods, the findings of the study found that Islamic crowdfunding has the potential as an alternative fund in supporting the conservation and preservation of heritage sites in this country. This funds could be infaq, sadaqah and waqf. Despite this

study is exploratory, it is hoped that it can trigger an effort to preserve and conserve heritage sites through the concept of public funds which also aims to spread a spirit of responsibility among the community towards the country's heritage.

**Keywords:** Islamic crowdfunding, crowdfunding, heritage conservation

**Cite This Article:**

Nizam Abd Ghani & Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. 2021. Pendanaan awam Islamik sebagai sumber kewangan alternatif untuk kelestarian tapak warisan sejarah di Malaysia [Islamic crowdfunding as an alternative fund for the sustainability of historical heritage sites in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 67-81.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara bermasyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaiannya bangsa, budaya dan agama. Keunikan Malaysia yang kaya dengan khazanah budaya, alam semula jadi dan tinggalan warisan telah menarik minat kedatangan pelancong dari luar dan dalam negara. Ini membolehkan negara mencatatkan pendapatan menerusi sektor pelancongan sebanyak RM66.1 bilion dengan kehadiran 26,100,784 pelancong asing pada tahun 2019 (Tourism Malaysia, 2020). Namun begitu, sejak kebelakangan ini pendapatan melalui sektor pelancongan mengalami penurunan yang mendadak (Sulaiman, 2021). Kadar penurunan yang semakin merosot ini dapat dilihat melalui jumlah kedatangan pelancong ke tempat-tempat warisan sejarah yang semakin berkurangan seperti di Kota Bukit Supai, Melaka dan Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Malah, Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, yang terkenal dengan nama jolokan Perak Man serta diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai warisan kebudayaan turut menghadapi situasi yang sama (Komoo, 2020).

Pada masa yang sama, penjagaan tapak warisan dilihat kurang diberi perhatian, hal ini kerana kekurangan dana yang mencukupi untuk menampung kos konservasi. Sebagai contoh, Tapak Megalitik Pengkalan Kempas yang diiktiraf sebagai Tapak Arkeologi Warisan Kebangsaan dilihat tidak terjaga serta terbiar dengan ditumbuhinya semak samun dan berbau busuk kerana pemberhentian operasi penyelenggaraan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) terhadap kawasan bersejarah tersebut (Tun Tuah, 2016). Walau bagaimanapun, kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan perlu diteruskan bagi mengekalkan nilai warisan sejarah untuk tatapan generasi masa hadapan. Namun demikian, menurut Asyaari (2009) kos yang tinggi dalam kerja-kerja konservasi merupakan kekangan utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan. Selain itu, Ali (2013) turut menjelaskan perbelanjaan yang besar diperlukan bagi tujuan kerja pembinaan kerana bahan binaan bangunan warisan lama sukar dicari dan berbeza dengan bahan bangunan baharu. Ini menyebabkan kerajaan lebih menumpukan kepada penggunaan bahan bangunan baharu kerana kos pembinaan lebih menjimatkan, seperti kos peralatan, jururunding, tenaga pembantu dan lain-lain.

Oleh itu, salah satu sumber kewangan alternatif yang diperlukan untuk usaha mengekalkan nilai warisan ialah pendanaan awam. Secara ringkas, pendanaan awam adalah salah satu kaedah pengumpulan dana yang bertujuan kebajikan daripada orang ramai (Achsien dan Purnamasari, 2016). Pada masa kini penggunaan media sosial dan laman sesawang

pendanaan awam merupakan suatu mekanisme untuk mengumpulkan dana daripada penderma bagi membiayai projek yang dijalankan oleh pengusaha (Jamaludin et al., 2020; Smith, 2006). Seterusnya, pendanaan awam juga berperanan dari sudut penglibatan sosial seperti pengumpulan dana melalui rangkaian ahli keluarga dan rakan-rakan. Secara tidak langsung, ini menunjukkan keprihatinan masyarakat untuk menyumbang dengan menggunakan pendanaan awam. Selain itu, nilai sosial juga yang terdapat dalam diri penderma, sepetimana penderma tidak melihat kepada keuntungan dan manfaat daripada sumbangan tersebut (Belleflamme et al., 2010). Malah, projek yang berbentuk kebajikan ini dilihat mempunyai hubungan yang positif dengan pendanaan awam yang telah diamalkan sejak dahulu lagi (Yap, 2019).

Dalam pada itu, pendanaan awam boleh memanfaatkan instrumen kewangan Islam seperti *infaq*, *wakaf* dan *hibah*. Oleh kerana tapak warisan di Malaysia kebanyakannya adalah warisan Islam seperti masjid dan pusat pengajian, pendanaan awam Islamik lebih berpotensi dalam menarik minat para pemberi dana dalam kalangan Muslim. Begitu juga usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan sejarah memerlukan garis panduan patuh Syariah supaya usaha pendanaan awam Islamik turut diterima dalam perkara ini (Ishak dan Kamaruddin, 2021).

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti potensi pendanaan awam Islamik sebagai sumber kewangan alternatif terhadap kelestarian tapak warisan pelancongan. Untuk mencapai objektif ini, metode penyelidikan kualitatif diaplikasi melalui kaedah temuduga bersama pakar-pakar berkaitan. Mereka ini termasuklah daripada bidang warisan sejarah, pendanaan awam dan Syariah. Hasil dapatan dibentangkan dalam bentuk tema dan disertakan dengan analisis.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tapak Warisan**

Istilah pemeliharaan dan pemuliharaan boleh didefinisikan sebagai proses atau perbuatan mengekalkan nilai sejarah dari sudut seni bina dan budayanya melalui aktiviti pembelaan atau pemindaan yang dijalankan terhadap sesuatu hartanah bagi tatapan generasi akan datang (Howe, Barbara J., et al., 1997). Pelaksanaan kaedah pemuliharaan terhadap sesuatu warisan sejarah dapat melindungi nilai sejarah, budaya dan fungsinya kembali utuh (Mansfield, 2008). Tambahan pula, sesebuah bangunan warisan turut dapat digunakan kontemporari melalui kaedah ini untuk mengelakkan bangunan tersebut musnah (Bullen, 2007). Pada masa yang sama, bangunan warisan tersebut dapat menjana ekonomi dengan dijadikan sebagai medium untuk kebudayaan, rekreasi dan perniagaan. Selain itu, pemeliharaan warisan merupakan sebuah disiplin yang dikhususkan untuk mengekalkan harta warisan bagi manfaat pada masa depan (Viñas, 1964). Hafis (2012), menegaskan bahawa nilai sejarah dapat dikekalkan sekiranya disiplin tersebut diaplikasikan dalam pemeliharaan warisan.

Secara ringkasnya, sesebuah aset warisan budaya dapat dihargai tentang keasliannya melalui proses pemuliharaan ini. Rentetan daripada hal itu, kegembilan peninggalan sejarah terdahulu mempunyai hubung kait dengan proses pemuliharaan. Misalnya, bangunan yang bersejarah pada abad kesembilan belas telah dikembalikan kepada status asal, yang mana sebarang penambahbaikan dan penyesuaian tidak digunakan sepenuhnya. Hal ini bersangkut-

paut dengan keindahan khazanah sejarah seharusnya sentiasa dikekalkan (Ahmed, 2015). Tamsilnya, generasi muda di Perancis telah diterapkan dengan nilai estetik melalui konsep '*Patrimoine*' terhadap pemeliharaan warisan untuk mengagumi monumen-monumen terdahulu. Sementara itu, usaha memelihara dan memulihara telah lama digiatkan dalam lipatan sejarah. Setelah tercetusnya Perang Dunia Pertama (1914-1918) dan Perang Dunia Kedua pada tahun (1939-1945) telah menyebabkan banyak kemusnahan dan kehancuran kepada monumen-monumen bersejarah (Mohamed, 2020).

Rentetan daripada hal itu, seluruh dunia telah bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha melindungi warisan budaya. Pada tahun 1945, UNESCO telah ditubuhkan untuk memainkan peranan penting dalam usaha pemeliharaan tersebut. Sehubungan dengan itu, beberapa konvensyen dan cadangan antarabangsa untuk melindungi warisan di seluruh dunia telah disusun oleh UNESCO. Semasa pembinaan Empangan Tinggi Aswan di Mesir, konsep "Warisan Dunia" telah diperkenalkan. Ekoran daripada pembinaan empangan tersebut, beberapa monumen Mesir kuno yang paling terkenal di Lembah Sungai Nil antaranya Kuil Abu Simbel telah tenggelam. Kesannya, UNESCO telah mendorong masyarakat antarabangsa untuk memelihara warisan tersebut dengan melancarkan kempen untuk menyelamatkan Kuil Abu Simbel. Sejumlah 80 juta dolar USD telah berjaya dikumpulkan, hasil sumbangan daripada lima puluh negara dalam usaha menyelamatkan kuil-kuil tersebut. Bagi mengelakkan risiko banjir dari sungai Nil, kepulauan Agilkia dipilih sebagai tempat yang sesuai untuk menjalankan proses pemindahan tapak sejarah tersebut secara teliti dan dibina semula. Ekoran daripada peristiwa itu, Konvensyen Warisan Dunia telah diadakan (ICCROM, 2006).

Di Malaysia, beberapa akta dalam usaha penjagaan bahan sejarah, kawasan semula jadi, tapak warisan dan kebudayaan bangsa telah dikuatkuaskan dan digubal oleh kerajaan. Kelestarian nilai warisan dapat dijaga melalui usaha sebegini. Antara akta yang telah dikuatkuaskan bagi memelihara dan memelihara tapak warisan ialah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kesimpulannya, penjagaan tapak warisan pelancongan di Malaysia sangat penting, terutamanya yang berkaitan dengan sejarah Islam dan Melayu. Walau bagaimanapun terdapat kekangan dana kewangan untuk tujuan konservasi. Hal ini disebabkan, dana yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta dilihat belum lagi mencukupi dalam membiayai keseluruhan tapak warisan. Oleh itu, dalam usaha menyokong dan membantu untuk mengurangkan bebanan pihak berwajib serta mengelakkan tapak warisan sejarah terhakis ditelan zaman, maka mekanisme pendanaan awam wajar diketengahkan sebagai sumber dana alternatif.

## Konsep Pendanaan Awam

Secara lebih terperinci, pendanaan awam dapat ditakrifkan sebagai suatu usaha dan sokongan dalam membiayai projek perusahaan dan kebajikan yang diperolehi daripada pelbagai lapisan individu melalui sumbangan kecil (Hervé dan Schwienbacher, 2018). Selain itu, pendanaan awam turut bermaksud sebagai proses meminta masyarakat umum dalam bentuk pelaburan dan sumbangan melalui platform internet sebagai usaha yang baru (Zhao et al., 2019). Hossain (2017) pula menyatakan, pendanaan awam ini melibatkan panggilan terbuka untuk penyediaan

sumber kewangan, sama ada berbentuk derma atau sebagai pertukaran berupa hadiah atau hak mengundi untuk menyokong sesuatu projek. Dari kaca mata yang lain, pendanaan awam adalah perkara baharu terhadap individu, kumpulan dan syarikat untuk mendapatkan dana bagi menjalankan operasi mereka melalui portal dalam talian yang dikenali sebagai situs pendanaan awam (Wahjono et al, 2016).

Sementara itu, konsep projek perniagaan melalui ujian yang dilakukan terhadap orang ramai merupakan skop operasi pendanaan awam. Secara ringkasnya, setiap individu yang berminat untuk membantu dalam mencapai matlamat tertentu akan memberikan sedikit sumbangan sebagai pertukaran untuk keuntungan, produk atau perkhidmatan yang dihasilkan. Pada masa yang sama, terdapat juga sumbangan atau sedekah yang tidak mengharapkan balasan ataupun imbalan daripada sebilangan individu (Lutfi dan Ismail, 2016). Menurut Borst et al. (2018) rangkaian bersama rakan, keluarga, pelanggan, dan pelabur peribadi dalam mendanai sesuatu projek merupakan gambaran pendanaan awam. Strategi ini membina inisiatif bersama semua lapisan individu, terutamanya medium internet melalui media sosial dan platform pendanaan awam dapat menarik perhatian dan sambutan yang menggalakkan dalam mengoptimumkan rangkaian mereka. Selain itu, pendekatan baru melalui pendanaan awam membolehkan orang ramai menyumbang terhadap mana-mana pengasas projek perniagaan, budaya atau sosial untuk meningkatkan dana bagi pelaksanaan projek tersebut.

Jika dilihat dari dimensi yang berbeza, individu yang mempunyai wang untuk membuat pelaburan akan terdorong melalui strategi pendanaan awam yang bertindak seperti bank (Gray dan Zhang, 2015). Pendek kata, kumpulan lain yang memerlukan dana dalam jumlah yang besar perlu mendapatkan pembiayaan atau pinjaman daripada pihak bank. Sehubungan dengan itu, pihak yang memerlukan wang dapat mengumpulkan dana secara langsung daripada masyarakat awam tanpa memerlukan kepada mana-mana broker atau perniagaan perantara kerana semuanya tertakluk kepada operasi pendanaan awam. Dari kaca mata yang lain, pendanaan awam dapat didefinisikan sebagai perbuatan mengembangkan kempen melalui platform dalam talian untuk mengumpulkan dana bagi membiayai sesuatu aktiviti atau projek yang khusus (Meyskens dan Bird, 2015).

Sokongan daripada masyarakat dan pelabur-pelabur kecil dapat ditarik dengan kempen yang telah diadakan melalui platform pendanaan awam bertujuan untuk mengumpul dana. Hazam et al. (2017) turut menjelaskan bahawa pendanaan awam merupakan salah satu alat untuk membiayai projek dengan anggaran yang kecil. Dalam pada itu, sasaran perbelanjaan bagi projek berskala besar dilihat tidak mudah untuk mencapainya. Hal ini disebabkan oleh sebilangan golongan penderma hanya menyumbang dalam jumlah yang kecil dan menghadapi kesukaran bagi menarik sokongan orang ramai untuk memenuhi jumlah pembiayaan yang besar (Eriksson, 2017).

Dari sudut sejarah, pendanaan awam kali pertama dirujuk pada kisah Patung Liberty di Amerika Syarikat. Pada tahun 1885, kempen yang diketuai oleh akhbar menarik sumbangan kecil daripada 160,000 penderma untuk membantu golongan pemerintah yang tidak mempunyai dana untuk membangun Patung Liberty (Maguth et al., 2013). Selain itu, pada tahun 1997 di Eropah, pendanaan awam melalui jaringan internet mula diperkenalkan buat pertama kalinya (Wenzlaff et al., 2020). Menurut Young (2012), hal ini tercetus apabila kumpulan rock Marillion telah membatalkan konsert jelajah mereka ke Amerika Syarikat disebabkan kekangan dana dan sumbangan. Rentetan daripada hal itu, sejumlah \$60,000 telah

berjaya dikumpulkan oleh peminat kumpulan tersebut sebagai tanda sokongan untuk membiayai konsert jelajah kumpulan kegemaran mereka. Dengan itu, tiga album terbaru mereka dilancarkan dan kumpulan tersebut dapat mengadakan konsert jelajahnya. Lain daripada itu, pada tahun 2016, kaedah pengumpulan dana awam daripada peminat kumpulan Sellaband juga turut berjaya membiayai album baharu mereka (Williams dan Wilson, 2016).

Terdapat pelbagai jenis pendanaan awam seharusnya dikaji dan diterokai dengan lebih terperinci. Oleh hal demikian, fungsi, kaedah dan peranan pendanaan awam dapat diketahui dan dapat diaplikasikan dalam kalangan masyarakat. Secara ringkasnya, Hasan dan Sulaiman (2016) membahagikan pendanaan awam kepada dua bahagian iaitu bertujuan kebajikan dan pelaburan. Sehubungan itu, pendanaan awam yang bertujuan kebajikan dibahagikan kepada dua kategori iaitu bentuk ganjaran dan tanpa ganjaran. Manakala, pendanaan awam yang bertujuan pelaburan turut terbahagi kepada dua kategori iaitu berbentuk ekuiti dan hutang (Ishak et al., 2021).

Seperti segmen kewangan moden, pelantar pendanaan awam harus memastikan bahawa instrumen mereka mematuhi Syariah agar umat Islam dapat memanfaatkan dana ini dalam memenuhi keperluan mereka atau untuk tujuan aktiviti sosial. Walaupun pendanaan awam yang berbentuk sumbangan dan ganjaran kelihatan tidak mempunyai isu dari sudut Syariah, pendanaan awam bercirikan ekuiti dan pinjaman harus diubah agar menjadi patuh Syariah. Kebanyakan pelantar sedia ada menyediakan instrumen pinjaman dengan faedah walaupun ia lebih rendah daripada institusi-institusi kewangan sedia ada (Ishak dan Rahman, 2021). Pada masa yang sama, terdapat laporan menyatakan pendanaan awam patuh Syariah masih menghadapi beberapa masalah, termasuklah menyediakan model yang sesuai untuk golongan usahawan. Begitu juga, masih belum ada kerangka teori yang jelas sebagai panduan kepada pendanaan awam patuh Syariah (Hanim et al 2018).

Kesimpulannya, pengumpulan dana menggunakan platform pendanaan awam telah menjadi trend yang digunakan oleh pengusaha projek (*crowdfunders*) untuk sebarang aktiviti. Sekiranya projek yang dicadangkan adalah berbentuk faedah umum kepada masyarakat, ini dapat menarik minat orang ramai untuk menyumbang walaupun keadaan ekonomi negara tidak menentu dan stabil. Selain itu, instrumen pendanaan awam yang berdasarkan kebajikan adalah sesuai digunakan bagi tujuan yang berkaitan kebajikan, seperti projek penjagaan tapak peninggalan. Hal ini kerana, pendanaan awam bertujuan kebajikan dapat dilaksanakan melalui dalam talian dengan mudah tanpa melalui kerenah birokrasi untuk membiayai sesuatu projek. Sementara itu, pendanaan awam yang bertujuan pelaburan dilihat tidak sesuai digunakan untuk membiayai projek kebajikan. Jenis pendanaan awam berbentuk hutang dan ekuiti juga dilihat tidak dapat diamalkan dalam usaha memelihara dan memulihara tapak warisan pelancongan.

## **Pendanaan Awam dalam Memelihara Warisan Sejarah**

Pendanaan awam dapat disimpulkan sebagai usaha yang bertujuan kebajikan. Malah, pendanaan awam berperanan sebagai platform untuk mengumpul dana daripada orang ramai yang menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan. Selain itu, pendanaan awam telah terbukti berjaya dalam membiayai projek-projek kebajikan dan kerja amal seperti membiayai peniaga kecil, bantuan pendidikan dan kesihatan. Bahkan, pendanaan awam juga turut

diamalkan dan dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat melalui dalam talian seperti laman sesawang, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *email*.

Usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan berkaitan tapak warisan dititikberatkan oleh negara luar. Mereka bertungkus-lumus dalam membangunkan model pendanaan awam semata-mata untuk memartabatkan identiti dan peradaban sejarah mereka agar tidak hilang dan musnah mengikut peredaran zaman. Antara pendanaan awam di luar negara adalah seperti jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1 Pendanaan awam warisan di luar negara (kompilasi penulis)

Organisasi	Nama Pendanaan Awam	Skop Pendanaan Awam
<i>International Centre for Archival Research (ICARUS)</i>	<i>Topotheque</i>	Menjadikan warisan sejarah Eropah secara digital melalui internet menggunakan carian mengikut kata kunci, tarikh dan lokasi.
Memoo: Institut Arkib Flemish	Wikimedia	Menyokong budaya, media dan organisasi kerajaan dalam hal- hal yang berkaitan dengan arkib digital.
Institut Strategi Peradaban Kreatif	<i>Cultural Heritage Reporters</i>	Pemerksaan Warisan Budaya Timur Laut Bulgaria
Persatuan Warisan Fotografi Estonia atau <i>Estonian Photographic Heritage Society</i> (MTÜ Eesti Fotopärand)	Ajapaik	Mencari metadata tambahan tentang warisan gambar.
kota Helsinki atau ( <i>city of Helsinki</i> )	Albumit auki (album terbuka)	Mendigitalkan arkib keluarga berdasarkan gambar lama
Museovirasto	Plus/Miinus Talvi	Mengumpulkan bahan foto dan cerita
Universiti Teknikal Nasional Athens ( <i>National Technical University of Athens</i> )	CrowdHeritage	Meningkatkan kualiti metadata bagi kandungan warisan budaya digital yang disimpan di Europeana
Universiti Patras	Culture Gate	Mengumpul dan menyebarkan warisan budaya yang ketara dan tidak ketara
Kumpulan penyelidikan Gaois, Universiti Bandar Dublin	Meitheal Dúchas.ie	Memulakan pendigitalan Koleksi Cerita Rakyat Kebangsaan atau <i>National Folklore Collection (NFC)</i>

atau <i>Gaois research group, Dublin City University</i>		
Universiti Bandar Dublin ( <i>Dublin City University</i> )	Meitheal Logainm.ie	Mempromosikan warisan toponimik negara dalam era digital dengan memetakan dan berkongsi nama tempat kecil dalam talian.
Institut Politeknik Worcester atau <i>Worcester Polytechnic Institute</i>	Arti.City	Pemulihan dan pemeliharaan artifak sejarah di Venice.

Walau bagaimanapun, dapat dilihat pendanaan awam berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan pelancongan masih belum dipopularkan di Malaysia. Sehubungan itu, Kajian ini mencadangkan pendanaan awam khusus bertujuan sebagai mekanisme sumber kewangan bagi membiayai kos pembaikan dan menjagaan tapak warisan.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasi pendekatan kualitatif. Menurut Marican (2005) pendekatan ini digunakan bagi mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor. Selain itu, pendekatan ini juga melibatkan kajian kes dan penglibatan turut serta oleh penyelidik. Sementara pendekatan kualitatif adalah dipilih disebabkan kesesuaianya sebagai kajian penerokaan ataupun kajian *exploratory* (Williamson dan Elliott, 2007). Dengan lebih terperinci, kajian ini berasaskan kajian temubual separa. Temu bual berstruktur adalah kaedah yang terbaik bagi soalan terbuka dan mendapatkan maklumat peserta kajian secara terperinci (Houimli et al., 2019).

Jadual 3.1 yang memperincikan tentang maklumat berkaitan informan yang ditemu bual.

Jadual 3.1: Demografi Informan yang ditemu bual

Temu Bual	Latar Belakang	Tujuan	Tarikh
Informan 1	Pegawai muzium	Membincangkan mengenai industri pelancongan tapak warisan di Terengganu dan keperluan dana alternatif seperti pendanaan awam	16 Ogos 2021
Informan 2	Pensyarah bidang kewangan dan pelancongan	Membincangkan mengenai industri pelancongan tapak warisan di Terengganu dan keperluan dana alternatif seperti pendanaan awam	11 Mei 2021

Informan 3	Pensyarah bidang kewangan dan pelancongan	Membincangkan mengenai industri pelancongan tapak warisan di Terengganu dan keperluan dana alternatif seperti pendanaan awam	9 Mac 2021
Informan 4	Pensyarah bidang kewangan dan pelancongan	Membincangkan mengenai industri pelancongan tapak warisan di Terengganu dan keperluan dana alternatif seperti pendanaan awam	30 Mac 2021
Informan 5	Pensyarah bidang Syariah	Meninjau perspektif Islam terhadap kelestarian warisan sejarah dan sejauh mana dana patuh Syariah boleh memainkan peranan sebagai pendanaan awam	9 Mei 2021
Informan 6	Pensyarah bidang Syariah	Meninjau perspektif Islam terhadap kelestarian warisan sejarah dan sejauh mana dana patuh Syariah boleh memainkan peranan sebagai pendanaan awam	9 Mei 2021
Informan 7	Penyelidik pendanaan awam	Membincangkan mengenai proses pendanaan awam dan kesesuaianya untuk menyokong industri pelancongan tapak warisan	26 Julai 2021
Informan 8	Ketua pegawai eksekutif syarikat pendanaan awam	Membincangkan mengenai proses pendanaan awam dan kesesuaianya untuk menyokong industri pelancongan tapak warisan	9 September 2021
Informan 9	Bekas pegawai di syarikat pendanaan awam	Membincangkan mengenai proses pendanaan awam dan kesesuaianya untuk menyokong industri pelancongan tapak warisan	16 September 2021
Informan 10	Pengasas bersama pendanaan awam	Membincangkan mengenai proses pendanaan awam dan kesesuaianya untuk menyokong industri pelancongan tapak warisan	15 September 2021

Untuk analisis data, kajian ini mengaplikasi kaedah tematik. Kaedah ini diketahui antara kaedah yang sering digunakan untuk menganalisis data kualitatif (Thomas dan Harden, 2008). Analisis tematik juga akan memuatkan data ke dalam segmen, kategori dan ringkasan serta akan menyusun semula data menjadi konsep penting (Lisa M. Given, 2008). Secara amnya, proses dimulakan dengan mentranskripsikan data yang diperoleh daripada temu ramah, kemudian diikuti dengan mengatur dan menyusun data yang dikenali sebagai pengekodan (Stuckey,

2015). Selain itu, fasa berikutnya adalah data yang akan menentukan, menamakan tema dan akhirnya menghasilkan laporan tersebut (Nowell et al., 2017).

## **KEPUTUSAN ANALISA KAJIAN LAPANGAN**

Berdasarkan temubual, tiga tema dapatkan dikenal pasti:

### **Tema 1: Potensi pendanaan awam**

Maklum balas daripada majoriti informan iaitu seramai empat orang informan (IN1, IN2, IN3, dan IN4) mengatakan bahawa pendanaan awam berpotensi sebagai dana alternatif terhadap penjagaan tapak warisan. Berikut merupakan pernyataan yang dikenal pasti daripada verbatim IN1, IN2, IN3 dan IN4;

IN1: Verbatim 1.docx

Bagi saya, berpotensi kalau ada nilai kesedaran dalam kalangan badan NGO.

IN2: Verbatim 2.docx

Bagi saya, pendanaan awam sangat berpotensi dalam memelihara tapak Warisan di Malaysia.

IN3: Verbatim 3.docx

Kalau ikutkan pendanaan awam ini, baguslah untuk kita meningkatkan orang kata kelestarian tapak warisan itu sendiri kita nak baik pulih kemudahan infrastruktur dekat sana.

IN4: Verbatim 4.docx

Pendanaan awam amat membantu dalam merealisasikan kerancakan pelancongan negara. Proses ataupun cara lain untuk membantu dan juga mengurangkan beban kerajaan dan mewujudkan tempat itu boleh survive mungkin dia kata CF.

### **Tema 2: Cabaran Pendanaan Awam**

Sementara itu, verbatim IN5 dan IN6 memberikan penjelasan yang berbeza dengan IN1, IN2, IN3 dan IN4 berkaitan potensi pendanaan awam terhadap kelestarian tapak warisan. Antara kenyataannya berbunyi seperti berikut;

IN5: Verbatim 5.docx

Proses ataupun cara lain untuk membantu dan juga mengurangkan beban kerajaan dan mewujudkan tempat itu boleh survive mungkin boleh kata CF. Namun kita kena lihat dari segi kecenderungan masyarakat kita walaupun ikutnya bangunan Pura Tanjung Sabtu tu boleh pun

nak waqaf. Tapi siapa nak pergi ke situ, orang tidak cenderung untuk buat benda bangunan sekadar nak tengok, orang nak sekurang-kurangnya ada unsur ibadah maka kalau masjid lama atau maqam yang mana bila dia sumbang dia tahu boleh orang mari ziarah dapat pahala pada penyumbang maka ada dorongan untuk berwakaf.

IN6: Verbatim 6.docx

Kalau kita ambil konteks Terengganu dia berpotensi dalam beberapa aspek sahaja.

Verbatim IN5 dan IN6 berpendapat bahawa tapak warisan sejarah terutamanya di Malaysia, sekiranya terdapat sentimen keagamaan maka pendanaan awam dapat dilaksanakan. Namun jika tiada unsur tersebut, pendanaan awam tidak akan berjaya mencapai matlamatnya.

IN 2: Verbatim 2.docx

Sekiranya kita nak lancarkan pendanaan awam dalam kalangan penduduk Terengganu, isu-isu sensitiviti ini kita kena fikir yang mana ianya akan timbul isu kerajaan tidak bagi servis ke? kerajaan tidak boleh buat ini ke?.

Cabaran seterusnya ialah persepsi awam yang melihat tanggungjawab pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan sejarah adalah tanggungjawab kerajaan bukannya masyarakat. Manakala IN1 berpendapat usaha untuk mendapatkan dana untuk tujuan ini bukanlah sesuatu yang mudah.

IN1: Verbatim 1;

Kalau sebut pasal dana atau kewangan, ianya tidaklah semewah semudah untuk dapatkannya.

Seterusnya, cabaran usaha ini ialah dari sudut kos. Ini kerana pemeliharaan tapak warisan memerlukan kos yang tinggi. Berikut merupakan contoh petikan daripada verbatim IN1 dan IN3;

IN1: Verbatim 1.docx

Kos bina baru lebih murah daripada kerja konservasi, sebab banyak yang kita kena patuhi spesifikasi sebab itu kena pilih kontraktor yang ada pengalaman.

IN3: Verbatim 3.docx

Untuk membangunkan pemuliharaan satu tapak warisan itu memerlukan kos yang tinggi.  
Tema 3: Dana Islam.

Berikut merupakan pernyataan yang dikenal pasti daripada verbatim IN5, IN6 dan IN7;

IN5: Verbatim 5.docx

Kutipan daripada zakat memang tidak boleh dah sebab ada keutamaan ataupun sebahagian daripada zakat di situ. Sadaqah boleh, sebab dia luas. Waqaf boleh, tapi orang kita boleh waqaf lebih kepada ibadah. Hibah itu lebih kuranglah makna pemberian macam sadaqahlah tak ada syarat apa-apa. Wang tidak patuh syariah dalam feqh kita mesti digunakan untuk maslahah umum.

IN6: Verbatim 6.docx

Zakat tidak boleh pakai, sadaqah boleh, waqaf tunai dan hibah boleh. Wang tidak patuh Syariah, ulama mutaqaddimin tidak boleh.

IN8: Verbatim 8.docx

Selain zakat ini, saya rasa semuanya boleh.

Secara umumnya dana seperti infaq, sadaqah, hibah, wang tidak patuh Syariah dan wakaf boleh diaplikasi sebagai konsep pendanaan awam Islamik dalam usaha mengumpul dana awam untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan sejarah. Walaubagaimanapun, konsep zakat tidak boleh digunakan untuk tujuan tersebut memandangkan ia mempunyai asnaf (golongan penerima) yang tersendiri.

Dapat disimpulkan, penjagaan tapak warisan merupakan tanggungjawab pihak kerajaan dalam memastikan kelestarian tapak warisan. Namun, kos konservasi terhadap penjagaan tapak warisan memerlukan kos yang tinggi kerana monumen-monumen bersejarah dan bangunan warisan diperbuat daripada bahan yang unik dan sukar untuk dicari ganti. Lantaran itu, usaha ini tidak boleh hanya bergantung kepada dana yang dibekalkan oleh pihak kerajaan sahaja. Oleh itu, bagi menyelesaikan isu berkaitan tapak warisan kian musnah dan terhakis kerana menghadapi masalah kewangan, maka pendanaan awam Islamik adalah solusi dan alternatif yang terbaik dalam memastikan kelestarian tapak warisan kian terselamat daripada ditelan zaman.

Berdasarkan temubual, potensi pendanaan awam telah dipersetujui oleh ramai informan tentang keberkesanannya dalam menjaga warisan. Walau bagaimanapun terdapat juga informan yang berpendapat bahawa pendanaan awam tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua sudut tapak warisan tetapi hanya boleh diaplikasikan terhadap tempat-tempat warisan keagamaan sahaja. Hal ini disebabkan informan berpendapat bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia mengharapkan ganjaran pahala yang berterusan atas hasil derma mereka ke arah keagamaan seperti penjagaan masjid, surau lama dan maqam alim ulama.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi pendanaan awam Islamik sebagai sumber kewangan alternatif terhadap kelestarian tapak warisan pelancongan. Umum mengetahui tapak warisan sejarah merupakan identiti sesebuah bangsa dan negara. Malangnya, sejak

kebelakangan ini dilaporkan terdapat beberapa tapak warisan terbiar disebabkan faktor kekangan dana. Menerusi pendekatan kualitatif, hasil kajian mendapati pendanaan awam Islamik berpotensi dalam membantu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan dari aspek kewangan. Walau bagaimanapun usaha ini turut mempunyai cabaran tersendiri termasuklah ketiadaan elemen spiritual yang akan menyukarkan usaha menarik pendana, persepsi bahawa usaha ini sepatutnya digerakkan oleh kerajaan dan kos konservasi yang tinggi. Seterusnya, dana Islam yang sesuai untuk proses ini termasuklah *infaq, sedaqqah* dan *wakaf*, manakala zakat tidak sesuai memandangkan ia mempunyai asnaf yang khusus. Walau bagaimanapun, pendanaan awam telah dibuktikan berjaya berperanan dalam menyumbang dana terhadap projek kebajikan, kerja amal dan kemanusiaan, maka ia patut dicuba untuk kelestarian tapak warisan sejarah.

Walaupun kajian ini ialah bersifat penerokaan, di mana dapatannya mungkin tidak menyentuh semua aspek juga dengan jumlah responden yang terhad, ia mengetengahkan perbincangan yang praktikal daripada pengalaman pakar-pakar yang terlibat. Diharapkan kajian ini dapat menjadi pemangkin terhadap usaha memelihara dan memulihara tapak warisan, di samping mampu menyelesaikan masalah pendanaan dan penjagaan tapak warisan pelancongan yang sering kali dipinggirkan

## **RUJUKAN**

- Achsien, I. H., & Purnamasari, D. L. (2016). Islamic Crowd-funding as The Next Financial Innovation in Islamic Finance: Potential and Anticipated Regulation in Indonesia. *European Journal of Islamic Finance*, 5, 1–11. <https://doi.org/10.13135/2421-2172/1771>
- Ahmed, E. K. (2015). What To Conserve ? *Heritage, Memory and Management of Meanings*. 9(1), 67–76.
- Ali, A. S. (2013). *Teknologi Dan Pengurusan Penyenggaraan Bangunan*. University of Malaya Press.
- Belleflamme, P., Lambert, T., & Schwienbacher, A. (2010). Crowdfunding : An industrial organization perspective. *Business*, May 2014, 25–26.
- Borst, I., Moser, C., & Ferguson, J. (2018). From friendfunding to crowdfunding: Relevance of relationships, social media, and platform activities to crowdfunding performance. *New Media and Society*, 20(4), 1396–1414. <https://doi.org/10.1177/1461444817694599>
- Bullen, P. A. (2007). Adaptive reuse and sustainability of commercial buildings. *Facilities*, 25(1–2), 20–31. <https://doi.org/10.1108/02632770710716911>
- Eriksson, L. A. J. (2017). *What use is crowdfunding?* 2012, 1–13.
- Gray, M., & Zhang, B. (2015). *Crowdfunding: Understanding Diversity*. 2014.
- Hanim, M., Zurina, S., & Muhammad, M. (2018). *Islamic Crowdfunding: Concepts, Issues and Opportunities*. In *Extending the Boundaries of Islamic Finance*, YTI Lecture Series, by Mohd Daud Bakar, Amir Shaharuddin, and Nazratul Aina,. M.A. USIM Press: USIM Malaysia, 4, 159-177.
- Hasan, A., & Sulaiman, S. (2016). Pelaburan Secara Pengumpulan Dana Masyarakat (Crowdfunding) Dan Isu-Isu Syariah Yang Berkaitan. *Jurnal Muamalat*, 9, 22–36.

- Hazam, D., Karimova, D., & Olsson, M. G. (2017). *Crowdfunding As A Source For Social Enterprise Financing Advantages and Disadvantages Experienced by Social Entrepreneurs*. May.
- Hervé, F., & Schwienbacher, A. (2018). Crowdfunding and Innovation. *Journal of Economic Surveys*, 32(5), 1514–1530. <https://doi.org/10.1111/joes.12274>
- Hossain, M. (2017). *Crowdfunding : Motives , Definitions , Typology and Ethical Challenges*. 2014. <https://doi.org/10.1515/erj-2015-0045>
- Houimli, M., Kahloul, L., & Benaoune, S. (2019). Performance Analysis of Internet of Things Application Layer Protocol. In *Advances in Intelligent Systems and Computing* (Vol. 756). [https://doi.org/10.1007/978-3-319-91337-7\\_22](https://doi.org/10.1007/978-3-319-91337-7_22)
- Howe, Barbara J.; Fleming, Dolores A.; Kemp, Emory L.; Overbeck, R. A. (1997). *Houses and Homes: Exploring Their History*. AltaMira Press.
- ICCROM. (2006). *Introducing Young People to the Protection of Heritage Sites and Historic Cities A Practical Guide For School*.
- Ishak, M. S. I., & Kamaruddin, M. H. (2021). Heritage Conservation Through Public Donation in Malaysia : A Potential for Islamic Crowdfunding. *The Journal of Management Theory and Practice*, 3(3), 10–16.
- Ishak, M. S. I., Kamaruddin, M. H., & Aderemi, A. M. R. (2021). Mudharabah based crowdfunding as an alternative source of funding book publications in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2020-0147>
- Ishak, M. S. I., & Rahman, M. H. (2021). Equity-based Islamic crowdfunding in Malaysia: a potential application for mudharabah. *Qualitative Research in Financial Markets*, 13(2), 183–198. <https://doi.org/10.1108/QRFM-03-2020-0024>
- Jamaludin, N. I., Shahimi, S., Bibi, L., & Hameed, M. (2020). Elemen Kepercayaan Sebagai Teras Sumbangan Melalui Pendanaan Awam Bertujuan Kebajikan. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 13, 55–65. <https://doi.org/10.17576/ajag-2020-13-05>
- Kamis, A. H. (2012). *Pemeliharaan Bandar Taiping Sebagai Bandar Warisan Dan Pelancongan Di Negeri Perak*.
- Komoo, I. (2020, January 21). Pemulihan warisan: Kita terlatih tapi tak terdidik. *Bharian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/01/648583/pemulihan-warisan-kita-terlatih-tapi-tak-terdidik>
- Lisa M. Given, K. S. (2008). Qualitative Research Method. ((Second Ed). In Sage Publications.
- Lutfi, M. A., & Ismail, M. A. (2016). Sadaqah- Based Crowdfunding Model For Microfinancing And Health Care. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(2), 31–51.
- Maguth, B., Dustman, J., & Kerr, M. (2013). Reexamining the Statue of Liberty: Different Perspectives on History and the Promise of America. *Social Studies and the Young Learner*, 25(4), 9–14.
- Mansfield, J. R. (n.d.). *The ethics of conservation : some dilemmas in cultural built heritage projects in England*. <https://doi.org/10.1108/09699980810867424>
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor : Prentice Hall/Pearson Malaysia, 2005.
- Meyskens, M., & Bird, L. (2015). *Crowdfunding and Value Creation Crowdfunding and Value Creation*. November. <https://doi.org/10.1515/erj-2015-0007>

- Mohamed, N. (2020). Bagai dalam Perang Dunia Ketiga. *Sinar Harian*.
- Muhamad, A. (2009). Arkeologi dalam Kerja Pemuliharaan: Cabaran Terhadap Masa Depan Negara. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, 27, 185–197.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic Analysis: Striving to Meet the Trustworthiness Criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13. <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Smith, L. (2006). Uses of Heritage.
- Stuckey, H. (2015). The second step in data analysis: Coding qualitative research data. *Journal of Social Health and Diabetes*, 03(01), 007–010. <https://doi.org/10.4103/2321-0656.140875>
- Sulaiman, N. A. (2021). Sektor Pelancongan Berdepan Krisis Terburuk. *Harian Metro*, New Straits Times Press (M) Bhd.
- Thomas, J., & Harden, A. (2008). Methods for the thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews. *BMC Medical Research Methodology*, 8, 1–10. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-8-45>
- Tourism Malaysia. (2020). Sektor pelancongan menyumbang sebanyak rm86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia. *Tourism.Com*. <https://www.tourism.gov.my/media/view/sektor-pelancongan-menyumbang-sebanyak-rm86-14-bilion-kepada-ekonomi-malaysia-dengan-ketibaan-26-1-juta-pelancong-pada-tahun-201>
- Tun Tuah, I. (2016). Tapak Arkeologi Terabai Kerana JWN Tiada Bajet. *Bharian*. <https://www.google.com/search?q=pengkalan+kempas+terbiar&oq=pengkalan+kempas+terbiar&aqs=chrome.0.69i59.1743j0j4&sourceid=chrome&ie=UTF-8>
- Viñas, S. M. (1964). *Contemporary theory of conservation*.
- Wahjono, S. I., Surabaya, U. M., & Marina, A. (2016). *Islamic crowdfunding : Alternative funding*. December 2015.
- Wenzlaff, K., Odorović, A., Ziegler, T., & Shneor, R. (2020). Crowdfunding in Europe: Between Fragmentation and Harmonization. In *Advances in Crowdfunding*. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-46309-0\\_16](https://doi.org/10.1007/978-3-030-46309-0_16)
- Williams, J. A., & Wilson, R. (2016). Music and Crowdfunded Websites: Digital Patronage and Artist-Fan Interactivity. *The Oxford Handbook of Music and Virtuality*. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199321285.013.33>
- Williamson, G. R., & Elliott, J. (2007). *Book Reviews* Edited by Graham R. Williamson. 2007.
- Yap, J. (2019). Kuasa Pendanaan Awam. *SinarHarian*.
- Young, T. E. (2012). *The Everything Guide to Crowdfunding: Learn how to use social media for small-business funding*. Simon and Schuster.
- Zhao, Y., Harris, P., & Lam, W. (2019). Crowdfunding industry—History, development, policies, and potential issues. *Journal of Public Affairs*, 19(1). <https://doi.org/10.1002/pa.1921>